

21/08/2004

Dr Mahathir sokong cadangan wujud semula ITM

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan cadangan menubuhkan semula Institut Teknologi Mara (ITM) adalah satu saranan bijak kerana institusi pengajian tinggi berkenaan berfungsi penting untuk membangunkan orang Melayu.

"Saya dengar selepas wujud Universiti Teknologi Mara (UiTM), kita terpaksa adakan balik ITM. Saya fikir ini langkah bijak," katanya ketika berucap di Malam Simfoni Penghargaan 2004 Yayasan Budiman UiTM, di Sunway Lagoon Resort Hotel, di sini, malam tadi.

Hadir sama, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Yayasan Budiman UiTM, Tan Sri Mohd Saleh Sulong dan Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah.

Ibrahim ketika mengemukakan cadangan penubuhan semula ITM itu kelmarin berkata, jika diluluskan kerajaan ITM akan dibuka di setiap negeri selewat-lewatnya akhir tahun ini. ITM dinaikkan taraf menjadi universiti pada 26 Ogos 1999.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu perlu bersaing dengan kaum lain di negara ini selain bangsa asing yang pernah mereka sanjung berikutan sikap merendah diri dan hormat.

Beliau yakin orang Melayu boleh berjaya asalkan setiap kerja dilakukan dengan bersungguh-sungguh kerana apa yang diusahakan sekarang adalah untuk kepentingan generasi akan datang.

"Jadi, selepas ini tidak akan ada sesiapa lagi yang akan memandang rendah kepada kita. Bukan nak tepuk dada tetapi untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi," katanya.

Bekas Perdana Menteri juga berharap lepasan ITM dan UiTM kembali menyumbang kepada pembangunan pendidikan institusi berkenaan memandangkan ada di kalangan mereka kini sudah bergelar jutawan dan berpangkat tinggi.

(END)